**TETUAN TY TEH & PARTNERS lwn. ABDUL MUZIL ABDULLAH & SATU LAGI**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZALEHA YUSOF H
[SAMAN PEMULA NO: 17D-11-02-2014]
14 OGOS 2014

***PROSEDUR SIVIL:*** *Cara permulaan – Sama ada melalui saman pemula – Peguamcara lewat mengemukakan bayaran yuran oleh anak guam kepada firma guaman – Bayaran dibuat selepas tarikh yang diakujanjikan – Firma guaman mengadukan pelanggaran akujanji oleh peguamcara kepada Lembaga Tatatertib Peguam-peguam – Lembaga Tatatertib menolak aduan firma guaman – Rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Lembaga Tatatertib – Sama ada tindakan harus dimulakan dengan saman pemula atau usul pemula – Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, A 55A – Akta Profesion Undang-undang 1976, s. 103E*

***PROFESION GUAMAN:*** *Disiplin profesional – Ketidakbayaran yuran guaman – Kelewatan peguamcara mengemukakan bayaran yuran oleh anak guam kepada firma guaman – Bayaran dibuat selepas tarikh yang ditetapkan dalam akujanji – Firma guaman mengadukan pelanggaran akujanji oleh peguamcara kepada Lembaga Tatatertib Peguam-peguam – Lembaga Tatatertib menolak aduan – Sama ada kelewatan disengajakan – Sama ada kelewatan melampau – Sama ada memprejudis atau menyebabkan kerugian kepada firma guaman – Sama ada keputusan Lembaga Tatatertib betul dan sah – Akta Profesion Undang-undang 1976, s. 100(6)*

Responden-responden beramal di firma perayu dan telah mewakili seorang anak guam yang merupakan pentadbir kepada harta pusaka dalam satu guaman. Anak guam tersebut gagal menyelesaikan yuran guaman berjumlah RM1,643. Menurut perayu, responden-responden telah mengakujanji untuk membayar RM1,643 berserta dengan kos sebanyak RM100 ('jumlah tersebut') kepada perayu pada satu tarikh yang ditetapkan tetapi bayaran dibuat pada tarikh terkemudian. Perayu melaporkan pelanggaran akujanji oleh responden-responden kepada Lembaga Tatatertib Peguam-peguam ('DB') tetapi DB menolak aduan perayu. Bersandarkan kepada A. 55A k. 1(1), (2), (3) dan (4) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'), perayu telah memfailkan saman pemula bagi merayu terhadap keputusan DB. Responden-responden membangkitkan bantahan awal terhadap permohonan perayu ini atas alasan bahawa perayu telah menggunakan cara yang salah dalam memulakan tindakan kerana s. 103E Akta Profesion Undang-undang 1976 ('APU') mengkehendaki agar satu usul pemula difailkan dan bukannya saman pemula. Seterusnya, responden menyatakan bahawa perayu tidak mengalami sebarang kerugian kerana perayu hanya lewat menerima bayaran dan kelewatan tersebut tidak diniatkan serta tidak memprejudiskan atau merugikan perayu. Isu yang timbul dalam rayuan ini adalah (i) sama ada cara permulaan tindakan rayuan perayu adalah betul; dan (ii) sama ada keputusan DB adalah betul dan sah.

**Diputuskan (menolak rayuan dengan kos):**

**(1)** Aturan 55A KKM menyatakan bahawa rayuan yang difailkan terhadap keputusan mana-mana orang atau badan kepada Mahkamah Tinggi hendaklah menggunakan saman pemula yang disokong oleh afidavit. Sebaliknya s. 103E(1) APU menyatakan bahawa pihak yang terkilan dengan perintah DB hendaklah memfailkan rayuan melalui usul pemula. Namun begitu, perenggan 7 Lampiran C KKM mengecualikan pemakaian KKM hanya berkenaan penerimaan masuk peguambela dan peguamcara di bawah APU semata-mata. (perenggan 7)

**(2)** Terdapat percanggahan cara memulakan tindakan bagi rayuan terhadap keputusan DB di bawah APU. Cara yang sepatutnya digunakan bagi memulakan tindakan rayuan adalah saman pemula sebagaimana yang dinyatakan dalam A 55A KKM. Ini diperkuatkan lagi kerana tindakan perayu di bawah APU tidak mendapat pengecualian di bawah perenggan 7 Lampiran C KKM. Bantahan awalan responden-responden ditolak kerana tidak berasas. (perenggan 7)

**(3)** Seksyen 100(6) APU hanya mengkehendaki DB untuk 'mengendalikan permohonan' dan 'mengenakan suatu penalti atau hukuman yang sesuai'. Tiada sebarang ketidakpatuhan prosedur di pihak DB. Mahkamah tidak wajar mengganggu dan mempersoalkan budi bicara DB (perenggan 7).

**(4)** Perayu tidak mengalami kerugian kerana bayaran bagi yuran guaman yang terhutang telah pun dibayar kepada perayu. Kelewatan responden dalam membuat bayaran dan tidak menepati akujanji bukanlah sesuatu yang melampau. Ia hanyalah kelewatan yang tidak disengajakan semata-mata, dilakukan tanpa niat dan boleh dimaafkan. (perenggan 7)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Au Kong Weng v. Bar Committee, Pahang [1980] 1 LNS 4 FC* ***(dirujuk)***
*DP Vijandran v. Majlis Peguam [1996] 1 CLJ 23 CA* ***(dirujuk)***
*Gana Muthusamy v. Tetuam Lim Ong & Co [1998] 4 CLJ 878 CA* ***(dirujuk)***
*Winstech Engineering Sdn Bhd v. ESPL (M) Sdn Bhd [2014] 2 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Rules of Court 2012, O. 1A, O. 2, O. 7 r. 2, O. 55A rr. 1(1), (2), (3), (4), O. 94 r. 2(1)
Legal Profession Act 1976, ss. 103E(1), (4), 100(5), (6), (7), (8)

*Bagi pihak perayu - Jacky Loi Yap Loong; T/n TY Teh & Partners*
*Bagi pihak responden-responden - Harmeet Singh Sarjeet Singh; T/n Raja Eleena Siew Ang & Assocs*

*Dilaporkan oleh Najib Tamby*

## PENGHAKIMAN

**Zaleha Yusof H:**

**[1]** Permohonan perayu adalah untuk perintah seperti berikut:

(i) Keputusan bertarikh 25 Januari 2014 yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam ('DB') diketepikan;

(ii) Kos dibayar oleh responden kepada perayu; dan

(iii) Lain-lain perintah yang sesuai.

**Fakta Ringkas Kes**

**[2]** Responden-responden mewakili individu bernama Kong Wan Yee yang merupakan pentadbir kepada harta pusaka Kong Yap Lai @ Kong Woon Chee (si mati) dalam kes Petisyen Probet No. S-32-673-2010 di Mahkamah Tinggi. Kong Wan Yee (sebagai pentadbir harta pusaka si mati) telah gagal menyelesaikan yuran guaman si mati dengan perayu berjumlah RM1,643. Perayu menyatakan bahawa responden-responden (iaitu Tetuan Siew & Partners) telah menghubungi perayu dan melalui surat mereka bertarikh 28 November 2012 telah memberikan akujanji untuk memajukan sejumlah RM1,643 berserta kos sebanyak RM100 kepada perayu dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh surat tersebut iaitu pada atau sebelum 8 Disember 2012 – eks. 'T-2'.

**[3]** Namun, perayu hanya menerima jumlah RM1,643 berserta kos RM100 tersebut pada 18 Disember 2012 walaupun surat responden-responden adalah bertarikh 10 Disember 2012 – eks. 'T-3'. Oleh itu, perayu melaporkan pelanggaran akujanji oleh responden-responden kepada DB. Namun, DB pada 25 Januari 2014 – eks. 'T-1' telah memutuskan bahawa aduan pengadu ditolak walaupun perayu beranggapan terdapat pelanggaran akujanji oleh responden-responden. Perayu menyatakan bahawa penolakan aduan tersebut adalah salah dan tidak munasabah dan perintah DB tersebut wajar diketepikan.

**[4] Alasan Permohonan Perayu**

(i) Terdapat pelanggaran akujanji oleh responden-responden dan perlakuan tersebut adalah dalam kapasiti profesional; dan

(ii) Terdapat ketidakpatuhan prosedur, undang-undang dan rukun keadilan oleh DB.

**Hujahan Responden**

**[5]** Responden membangkitkan:

(1) Bantahan awalan bahawa perayu telah menggunakan mod (mode) yang salah bagi memulakan tindakan di dalam rayuan ini apabila:

(i) Perayu telah memilih untuk memfailkan saman pemula di dalam rayuan ini bagi mengenepikan keputusan DB bertarikh 25 Januari 2014 yang mana perayu bersandarkan A. 55A k. 1(1), (2), (3) dan (4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(ii) Sedangkan s. 103E Legal Profession Act 1976 ('Akta 166') jelas menyatakan bahawa:

> (1) any party aggrieved by any decision or order made by the DB under subsection 100(5),(8) or (9) or section 103D shall have the right to appeal to the High Court within one (1) month of the receipt of the notification of the decision or order complained against ...
>
> (4) the appeal shall be by way of an originating motion setting out the ground of appeal that the Appellant has clearly not complied with the specific provision of the law in challenging the decision of the said Board.

Peruntukan di atas menghendaki satu usul pemula (originating motion) dan bukannya saman pemula, difailkan.

(iii) Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Winstech Engineering Sdn Bhd v. ESPL (M) Sdn Bhd* [2014] 2 CLJ 1 memutuskan:

> ... when a specific law has been enacted pertaining to any power or relating to legal proceedings, that specific law shall prevail over any other similar law ...

(iv) Mahkamah Rayuan di dalam kes *DP Vijandran v. Majlis Peguam* [1996] 1 CLJ 23; [1995] 3 MLJ 576 memutuskan:

> ... where an Act contains a general provision which covers a situation in respect of which a specific provision exist elsewhere in the enactment, the general provision is presumed to give way to the more specific provision following the maxim *generalia specialibus non derogant* ...

(v) Tindakan perayu ini apabila tidak mematuhi undang-undang yang spesifik di dalam peruntukan undang-undang tidak boleh dimaafkan di bawah A. 1A atau A. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(vi) Akta 166 adalah akta yang spesifik manakala Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah kaedah-kaedah secara am dan adalah dihujahkan bahawa undang-undang yang spesifik akan mengatasi undang-undang yang am;

(vii) Saman pemula yang difailkan oleh perayu ini jelas menunjukkan bahawa tiada rayuan yang difailkan oleh perayu apabila perkataan yang digunakan di dalam saman pemula ini ialah:

> Benarkan semua pihak ... untuk mendengar permohonan oleh Perayu ...

Oleh itu, adalah jelas bahawa perayu tidak membuat rayuan tetapi membuat permohonan dan dengan itu, perayu tidak mematuhi peruntukan di bawah s. 103E(1) dan (4) Akta 166 untuk pihak-pihak yang terkilan merayu ke Mahkamah Tinggi dan bukannya untuk membuat permohonan sebagaimana yang dilakukan oleh perayu.

(viii) Responden menghujahkan bahawa perayu bukan sahaja telah menggunakan mod yang salah di dalam rayuan ini tetapi telah memfailkan permohonan. Ini jelas bertentangan peruntukan undang-undang dan bukannya ketidakpatuhan teknikal semata-mata; dan

(ix) Atas alasan ini sahaja rayuan perayu wajar ditolak.

(2) Kuasa budibicara DB tidak wajar diganggu:

(i) Mahkamah Rayuan di dalam kes *Gana Muthusamy v. Tetuan Lim Ong & Co* [1998] 4 CLJ 878 menyatakan:

> It is primarily for members of the Bar to decide what amounts to conduct unbecoming of an advocate and solicitor in particular circumstances, according to standards established by members of that honourable profession. Courts must necessarily exercise caution when entertaining an appeal in which the central question is whether particular is unprofessional and cases meriting crucial interference will be rare ...

(ii) Adalah dihujahkan oleh responden-responden bahawa mahkamah hendaklah berhati-hati apabila membicarakan kes rayuan perayu; dan

(iii) DB telah pun meneliti aduan perayu yang dibuat bertarikh 3 Januari 2012 selain mempertimbangkan penjelasan lisan dan bertulis yang diberikan oleh responden sebelum membuat keputusan berkenaan aduan oleh perayu ini.

(3) Tiada kerugian yang dialami oleh perayu:

(i) Tiada kerugian yang dialami oleh perayu kerana perayu hanya lewat menerima cek berjumlah RM1,643 dan kos RM100 bagi yuran guaman yang tertunggak oleh si mati; dan

(ii) Kelewatan di dalam mengemukakan cek tersebut adalah tanpa niat dan tidak memprejudiskan dan mendatangkan kerugian kepada perayu.

(4) Kesimpulan:

(i) Responden berhujah bahawa keputusan DB bertarikh 25 Januari 2014 adalah betul dan tidak salah dari segi undang-undang dan fakta; dan

(ii) Mahkamah wajar menolak rayuan perayu dengan kos.

**Hujahan Perayu**

**[6]** Perayu menghujahkan bahawa:

(1) Bantahan awalan oleh responden:

(i) Responden gagal meneliti peruntukan:

(a) Aturan 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang memperuntukkan:

> (1) Except as provided in these Rules and subject to order 94, rule 2, proceedings shall be commenced either by originating summons or by writ.

(b) Aturan 55A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang memperuntukkan:

> (1) Where under any written law an appeal lies from any decision of any person or body of persons to the High Court such appeal be made to the High Court in the State where the decision was given by way of an originating summons setting out the grounds of appeal and supported by an affidavit, and if the Court so directs at the hearing of the appeal, by way of oral evidence.

(ii) Oleh itu, adalah jelas bahawa saman pemula yang difailkan oleh perayu adalah mematuhi kehendak undang-undang; dan

(iii) Adalah dihujahkan untuk bantahan awalan responden ditolak.

(2) Keputusan DB harus diketepikan:

(i) Selepas menerima penjelasan bertulis responden dan perayu, DB dikatakan telah menjalankan kuasanya di bawah s. 100(6) dan 100(7) Akta 166 di dalam perbicaraan, namun DB telah menolak aduan perayu. Dengan menggunapakai s. 100(6) bermakna DB mengakui terdapat merit dalam aduan perayu.

(ii) Seksyen 100(6) Akta 166 menyatakan:

> (6) Where the DB is satisfied that there is merit in the application or complaint under (2) or (3), it may deal with the application or complaint forthwith and impose an appropriate penalty or punishment in the following circumstances.

(iii) Seksyen 100(7) Akta 166 menyatakan:

> (7) The DB shall, before making any order and imposing any penalty or punishment, notify the advocate and solicitor of its intention to do so and give him a reasonable opportunity to be heard.

(iv) DB hendaklah memberikan responden peluang untuk didengar sebelum membuat apa-apa perintah dan mengenakan apa-apa penalti atau hukuman.

(v) Adalah dihujahkan bahawa DB telah melampaui kuasa yang digariskan di bawah s. 100(8) Akta 166 yang menyatakan hukuman dan penalti yang boleh dikenakan oleh DB. DB telah bertindak *ultra vires* s. 100(8) Akta 166.

(vi) Di bawah s. 100(5) Akta 166 menyatakan:

> Where the DB is satisfied that there is no merit in the application or complaint under subsection (2) or (3), the DB shall dismiss the application or complaint and notify the complainant and the advocate and solicitor of its decision.

(vii) Adalah juga dihujahkan jika aduan terhadap responden tiada bermerit, maka isu yang dibangkitkan adalah kenapa responden meminta maaf dan diberi amaran keras oleh DB. Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa responden telah mengakui salah lakunya.

(viii) Adalah dihujahkan juga bahawa pelanggaran akujanji adalah satu kesalahan yang serius. Ini dinyatakan di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Au Kong Weng v. Bar Committee, Pahang* [1980] 1 LNS 4; [1980] 2 MLJ 89 yang menyebut:

> ... is that he must honour to the utmost the promise or undertaking given by him in a professional capacity to the court and to members of his profession and failure to honour it is regarded as a breach of professional conduct:
>
> > Where a solicitor, who is acting professionally for a client, gives his personal undertaking in that character to a third person, that undertaking may be enforced summarily, upon application to the court. Before this remedy can be pursued it must be pursued it must be shown that the undertaking was given personally, and not merely as agent on behalf of the client; the undertaking must also be given by the Solicitor, not as an individual, but in his professional capacity.

(3) Oleh itu, disimpulkan oleh perayu bahawa keputusan DB adalah salah dan bertentangan dengan Akta 166 dan memohon saman pemula perayu dibenarkan dengan kos.

**Keputusan**

**[7]** Pada pandangan saya, terdapat dua (2) isu yang harus diputuskan iaitu:

(1) Isu berkenaan sama ada bantahan awalan yang dibangkitkan oleh responden berkenaan mod permulaan tindakan rayuan adalah betul dan sah. Dalam hal ini, saya berpandangan seperti yang berikut:

(i) Aturan 55A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 menyatakan bahawa rayuan yang difailkan atas keputusan mana-mana orang atau badan kepada Mahkamah Tinggi hendaklah menggunakan saman pemula yang disokong oleh afidavit;

(ii) Seksyen 103E(1) menyatakan pihak yang terkilan dengan perintah DB hendaklah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi dan rayuan itu hendaklah difailkan melalui usul pemula;

(iii) Perenggan 7 di dalam Appendix C Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 mengecualikan pemakaian Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hanya berkenaan Penerimaan Masuk Peguambela dan Peguamcara di bawah Akta 166 semata-mata. Lihat juga A. 94 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(iv) Oleh itu, terdapat percanggahan berkenaan mod memulakan tindakan bagi rayuan terhadap keputusan DB di bawah Akta 166. Pada pandangan saya, mod yang sepatutnya digunakan bagi memulakan tindakan rayuan adalah melalui saman pemula sebagaimana yang dinyatakan di dalam A. 55A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Aturan 7 k. 2 menetapkan bentuk borang yang perlu digunakan di dalam Saman Pemula, iaitu Borang 5 atau 6, yang mana, perkataan "permohonan" disebut di dalam borang yang berkenaan. Saya percaya responden sendiri tidak diprejudiskan semata-mata oleh kerana perkataan "permohonan" itu;

(v) Tambahan pula di bawah A. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 menyatakan bahawa hanya terdapat dua mod bagi memulakan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ini iaitu saman pemula dan writ saman;

(vi) Pandangan saya ini diperkuatkan lagi oleh kerana tindakan rayuan di bawah Akta 166 tidak mendapat pengecualian di bawah perenggan 7 di dalam Appendix C maka mod bagi memulakan rayuan di Mahkamah Tinggi adalah melalui saman pemula;

(vii) Arahan Amalan 6 Tahun 2013 secara amnya tidak menyatakan akta-akta yang boleh menggunakan pendaftaran di bawah Kod 16A bagi saman pemula yang difailkan di bawah A. 55A.

(viii) Arahan Amalan 7 Tahun 2013 menyatakan bahawa rayuan di bawah A. 55A hendaklah didaftarkan di bawah Kod 16A sedangkan kes-kes di bawah Akta 166 sepatutnya didaftarkan di bawah Kod 17D;

(ix) Walau apapun, saya berpendapat, Arahan Amalan yang dikeluarkan hanyalah menjadi kemudahan penyeragaman bagi pentadbiran mahkamah di seluruh Malaysia, dalam hal ini bagi mendaftarkan sesuatu kes;

(x) Manakala peruntukan undang-undang yang mesti diikuti adalah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 itu sendiri. Apabila Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 itu sendiri menggariskan mod rayuan hendaklah menggunakan saman pemula, maka bantahan awalan responden pada pandangan saya haruslah ditolak kerana tidak berasas kerana tidak menurut peruntukan undang-undang di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; dan

(xi) Tambahan pula pengecualian pemakaian Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 seperti yang disebut di atas tadi, hanyalah terhadap hal berkenaan Penerimaan Masuk Peguambela dan Peguamcara sahaja dan bukan turut merangkumi perkara-perkara lain di bawah Akta 166 itu sendiri. Pada pandangan saya, adalah elok untuk dicadangkan agar Akta 166 itu dipinda bagi menjadikan ianya harmoni dan selari dengan peruntukan dan kehendak yang digariskan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan lagi di masa hadapan.

(2) Isu sama ada keputusan DB adalah betul dan sah:

(i) Saya bersetuju dengan hujahan responden dan berpendapat seperti yang berikut:

(a) DB telah membuat keputusan dengan tepat setelah meneliti keterangan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh perayu selain daripada penjelasan lisan daripada responden apabila menolak aduan yang dibuat oleh perayu;

(b) Walaupun DB berpendapat terdapat merit di dalam aduan perayu, tidak bermakna DB tidak boleh menolak aduan itu setelah mendengar penerangan oleh responden. Seksyen 100(6) Akta 166 itu hanya menghendaki DB untuk "deal with the complaint" dan "impose an appropriate penalty";

(c) Seksyen 100(7) Akta 166 tidak memerlukan perayu didengar tetapi peluang untuk didengar hendaklah diberi kepada responden-responden.

(d) Jadi, saya tidak nampak sebarang ketidakpatuhan prosedur di pihak DB. Selagi DB mengikut prosedur di dalam mencapai keputusannya, maka Mahkamah tidak wajar mengganggu dan mempersoalkan budi bicara DB tersebut. Keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Gana Muthusamy* (*supra*), mengikat mahkamah ini;

(e) Saya juga mendapati bahawa perayu tidak mengalami kerugian kerana bayaran bagi yuran guaman yang terhutang oleh si mati telahpun dibayar kepada perayu;

(f) DB telah membuat dapatan fakta, hasil dari keterangan di hadapannya bahawa kelewatan responden di dalam membuat bayaran dan tidak menepati akujanji yang dibuat bukanlah sesuatu kelewatan yang melampau. Ia hanyalah kelewatan yang tidak disengajakan semata-mata, dilakukan tanpa niat dan boleh dimaafkan. Mahkamah ini pada pandangan saya tidak wajar mengganggu dapatan fakta ini; dan

A

(g) Justeru tindakan DB yang menolak aduan perayu terhadap responden walaupun telah memberi amaran kepada responden, tidak boleh dikatakan sebagai keputusan yang dicapai secara salah dan tidak mengikut kehendak undang-undang. Sememangnya s. 100(8) Akta 166 membolehkan DB memberi amaran kepada responden-responden.

B

**[8]** Berdasarkan di atas, setelah menimbangkan segala kertas kausa dan hujahan pihak-pihak, saya memutuskan bahawa rayuan perayu melalui saman pemula ini ditolak dengan kos.

C

D

E

F

G

H

I